

4 sektor raih manfaat kemasukan pekerja Indonesia

Empat sektor iaitu perlada-nan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan dijangka me-nerima rangsangan positif sele-pas Indonesia menarik balik pembekuan pengambilan pekerja asing bermula semalam.

Penganalisis CGS-CIMB, Ivy Ng Lee Fang, berkata kata putus yang dicapai daripada pembe-kuan sementara pekerja asing In-donesia akan membolehkan pe-ngambilan semula pekerja asing dalam tempoh beberapa bulan akan datang bagi mengurangkan isu kekurangan tenaga kerja se-masa.

"Pengumuman ini akan men-jadi rangsangan positif kepada sektor perladangan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan di Malaysia kerana ia akan mem-bantu meningkatkan produkti-viti dan keuntungan masa hada-pun perniagaan," katanya dalam

satu nota penyelidikan.

Lee Fang berkata, bagi sektor perladangan, pengambilan pe-kerja ladang dari Indonesia adala-h penting untuk meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS), meningkatkan pengeluaran mi-nyak sawit mentah (MSM) dan mengurangkan kos pengeluaran ladang di Malaysia.

"Indonesia menarik balik se-katan pengambilan pekerja In-donesia mulai 1 Ogos 2022 dan bersetuju untuk menyepaktu-sistem sedia ada antara Jabatan Imigresen Malaysia dan Keduta-an Indonesia di Kuala Lumpur untuk pengambilan pekerja do-mestik Indonesia.

"Menurut Menteri Sumber Manusi-a, Datuk Seri M Saravan-an, penyepaktu-sistem ini akan bertindak sebagai saluran tunggal untuk pengambilan dan kemasukan pembantu rumah ke

Malaysia seperti yang diperse-tujuui dalam memorandum perse-fahaman (MOU) sebelum ini.

"Projek perintis akan dilak-sanakan untuk tempoh tiga bu-lan sebaik penyepaktu-sistem selesai untuk memastikan pe-laksanaan sistem satu saluran berjalan lancar," katanya.

Tarik semula sekatan
Akhir bulan lalu, media melapor-kan bahawa kerajaan Indonesia

bersetuju menarik semula sek-a-tan kemasukan tenaga kerjanya ke negara ini, berkuat kuasa hari ini.

Ia selepas kedua-dua negara bersetuju untuk mengintegra-sikan sistem sedia adä, antara Jabatan Imigresen serta Keduta-an Besar Republik Indonesia (KBRI) bagi pengambilan Pekhid-mat Domestik Indonesia (PKDI) dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI). Saravan-an dalam

satu kenyataan berkata, perse-tujuan itu dicapai dalam Mesyu-arat Kumpulan Kerja Bersama antara Malaysia dan Indonesia yang digariskan dalam MoU berhubung PKDI.

Pada 13 Julai lalu, Indonesia memaklumkan mengenai kepu-tusan membekukan sementara kemasukan semua pekerja ne-gara itu ke Malaysia kerana tidak menggunakan sistem tunggal seperti yang diperse-tujuui sebelumnya.

Ini berikutan Jabatan Imi-gresen terus menggunakan *System Maid Online* (SMO) da-lam urusan permohonan pem-bantu rumah warga asing oleh majikan, biarpun kedua-dua negara bersetuju mengguna-kan satu saluran iaitu OCS menerusi MoU PKDI, yang dicapai pa-da April lalu.

Projek perintis akan dilaksanakan untuk tempoh tiga bulan sebaik penyepaktu-sistem selesai untuk memastikan pelaksanaan sistem satu saluran berjalan lancar

Ivy Ng Lee Fang, Penganalisis CGS-CIMB



Pg 27 BH 2/8/22